

14/06/1999

TNB berjaya kurangkan kerosakan elektrik harian

Zainudin Isa

TENAGA Nasional Bhd (TNB) berjaya mengurangkan lebih sekali ganda kadar kerosakan harian bekalan elektrik di Semenanjung, yang satu ketika dahulu pernah mencatatkan lebih 600 kes sehari.

Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali, berkata prestasi cemerlang itu adalah hasil peningkatan kecekapan dan mutu kerja seluruh kakitangan syarikat terbabit.

"Satu ketika dahulu TNB pernah mencatat rekod kerosakan harian yang sangat tinggi. Tetapi, dalam tempoh setahun lalu kita berjaya mengurangkannya lebih 50 peratus, iaitu hanya 300 kerosakan saja.

"Malah, dalam tempoh enam bulan lalu, jumlah kerosakan harian paling tinggi hanya di sekitar 80 hingga 120 kes," katanya berucap pada majlis penyampaian anugerah perkhidmatan setia dan persaraan 1999 bagi Wilayah Persekutuan, di Shah Alam, kelmarin.

Menurutnya, penggunaan elektrik semakin meningkat meskipun orang ramai masih menerima kesan kegawatan ekonomi.

Sambil memberi contoh, katanya, permintaan puncak kuasa elektrik di Semenanjung mencatat rekod baru sebanyak 8,680 megawatt (MW) pada Rabu minggu lalu, berbanding 8,631 MW, April lalu.

"Kadar penggunaan harian yang tertinggi ialah 170 MW sejam, berbanding 155 MW sejam sebelum kegawatan. Ini membuktikan ekonomi negara semakin pulih dan peluang ini perlu digunakan untuk meningkatkan pendapatan syarikat," katanya.

Mengenai kebajikan pekerja, Ahmad Tajuddin memberi jaminan TNB akan terus memelihara kebajikan mereka sebagai aset penting bagi menggerak dan memajukan syarikat.

Katanya, syarikat yang mempunyai tenaga kerja lebih 25,000 orang membelanjakan lebih RM350 juta setahun bagi membayar gaji serta faedah kepada mereka.

"Kita membelanjakan RM29 juta setahun untuk menampung perbelanjaan perubatan anggota kerja dan tanggungan masing-masing.

"Satu perkara menarik, walaupun TNB sebuah syarikat swasta, kita masih menyediakan pinjaman perumahan dan kenderaan pada kadar faedah empat peratus setahun, jauh lebih rendah berbanding yang ditawarkan bank," katanya.

Beliau berkata, pencapaian TNB yang terpilih menerima anugerah majikan prihatin 1999 daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini adalah satu pengiktirafan tertinggi untuk kakitangan syarikat.

(END)